



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

2 Disember 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD, PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG
BERHUBUNG
TAKLIMAT LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)
TAHUN 2018 SIRI II**

1. PAC Parlimen hari ini mendengar taklimat YBhg. Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara mengenai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri II.
2. Dalam taklimat berkenaan, PAC Parlimen dimaklumkan bahawa kos keseluruhan aktiviti kerajaan yang diaudit mengikut Prestasi berjumlah RM35.893 bilion membabitkan Kategori Pembinaan berjumlah RM16.488 bilion, Kategori Pengurusan Dana berjumlah RM10.922 bilion dan 10 program/aktiviti berjumlah RM8.43 bilion.
3. Daripada segi bilangan pengauditan mengikut kementerian pula ialah:
 - 2 kajian membabitkan Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
 - 1 kajian membabitkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Industri Utama (MPI), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
4. PAC Parlimen juga dimaklumkan bahawa terdapat 6 kes membabitkan *Improper Payment* berjumlah RM344.54 juta, 4 kes membabitkan ketirisan berjumlah RM286.39 juta dan 5 kes membabitkan pembaziran berjumlah RM411.01 juta.

5. *Improper Payment* membabitkan:
 - a. MOA iaitu Skim Subsidi dan Insentif Pesawah berjumlah RM195.81 juta dan Program Integrasi Lembu berjumlah RM720 ribu;
 - b. Program promosi meningkatkan Pelancong Antarabangsa di bawah MOTAC berjumlah RM136.67 juta;
 - c. Program Skim MyHome di bawah KPKT berjumlah RM1.74 juta;
 - d. Program Permata Insan di bawah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjumlah RM400 ribu

6. Bagi ketirisan pula adalah bagi skim subsidi dan Insentif Pesawah berjumlah RM279.73 juta di bawah MOA, Temasya Kuala Lumpur 2017 berjumlah RM6.57 juta di bawah KBS dan RM900 ribu di bawah Program Permata Insan di bawah USIM.

7. Bagi kategori Pembaziran pula, PAC Parlimen di maklumkan bahawa:
 - a. RM215.65 juta untuk Dana Mudahcara di bawah MOF;
 - b. RM14.11 juta untuk Sekolah Antarabangsa Labuan di bawah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan;
 - c. RM3.43 juta untuk Skim Pinjaman Buku Teks di bawah KPM;
 - d. RM177.32 juta untuk Perumahan Generasi Baharu Felda di bawah MEA;
 - e. RM500 ribu untuk Program Integrasi Lembu di bawah MOA.

8. PAC Parlimen dimaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara turut menjalankan pengauditan terhadap Dana Mudah Cara di bawah MOF/UKAS berjumlah RM10.922 bilion termasuk Universiti Perdana berjumlah RM191 juta, Geothermal Power Plant di Tawau, Sabah berjumlah RM24.65 juta.

9. Turut diaudit daripada segi prestasi adalah MEA membabitkan Projek Perumahan Generasi Baru Felda. PAC dimaklumkan daripada sasaran pembinaan 20 ribu unit untuk tempoh 5 tahun daripada 2013 – 2017 hanya 8314 rumah dilaksanakan iaitu 1498 rumah siap dibina, 3566 rumah dalam pembinaan, 2820 ditamatkan kontrak pembinaan, 400 rumah digantung kontrak pembinaan manakala 1038 rumah dibatalkan kontrak pembinaan.

10. Daripada segi Tadbir Urus pula, PAC Parlimen dimaklumkan bahawa 1 analisis dibuat terhadap kewangan dan pemantauan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) manakala 7 kajian tadbir urus dilakukan terhadap Panorama Langkawi Sdn. Bhd., Hospital Pusrawi Sdn. Bhd. KTMB, IJN Sdn. Bhd. Permodalan Risda Bhd., Clinical Research Malaysia dan International University of Malay-Wales Sdn. Bhd.

11. PAC Parlimen dimaklumkan bahawa 6 syarikat mempunyai tadbir urus korporat memuaskan iaitu Panorama Langkawi, Pusrawi, KTMB, IJN, Permodalan Risda dan Clinical Research Malaysia manakal International University of Malaya-Wales kurang memuaskan.

12. Daripada segi kedudukan kewangan pula:
 - 3 syarikat iaitu KTMB, Permodalan Risda dan International University of Malaya Wales didapati kurang stabil.
 - Pusrawi dan IJN - kukuh
 - Panorama Langkawi dan Clinical Research Malaysia – stabil

13. Daripada sudut kewangan pula, PAC Parlimen dimaklumkan bahawa:
 - 8 agensi menerima Pendapat Audit Berteguran daripada Ketua Audit Negara iaitu PERKESO, Perbadanan Aset Keretapi, Institut Sukan Negara, Akademi Sains Malaysia, Lembaga Pelabuhan Kemaman, Lembaga Pelabuhan Kuantan, WAKAF Hindu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
 - 6 agensi menerima Pendapat Audit Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter (EOM)* iaitu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM), Universiti Malaya, Perbadanan Labuan, Perbadanan Padang Golf Subang dan Lembaga Kemajuan Wilayah Keda.

14. Saya juga ingin memaklumkan prestasi PAC Parlimen sepanjang tahun ini. Jawatankuasa ini mengadakan 29 prosiding, 12 mesyuarat penyediaan laporan, 12 mesyuarat verifikasi, 15 taklimat dan membentangkan 9 laporan PAC di Dewan Rakyat.

15. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli PAC serta *ex-officio* PAC terdiri daripada MOF, MEA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC), SPRM, Jabatan Audit Negara (JAN) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) atas komitmen kepada Jawatankuasa ini.

Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang
Negara (PAC) Parlimen Malaysia